

06/04/1998

PAC pamer kehebatan gempur musuh

Mejar Sulaiman Moideen Kutty

KUALA LUMPUR: Langkah Angkatan Tentera Malaysia (ATM) menubuh Pasukan Atur Cepat (PAC) kira-kira lima tahun lalu, tidak seharusnya dilihat sebagai ancaman kepada negara serantau, sebaliknya membentuk aset negara yang dapat memberi alternatif ketika menghadapi konflik.

Sejak dilancarkan di Langkawi pada Oktober 1994 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, PAC yang merangkumi 10 Briged Para, Tentera Laut Diraja Malaysia dan Tentera Udara Diraja Malaysia, membuktikan keupayaan dan keunggulannya.

Baru-baru ini, Panglima Tentera Darat, Jen Datuk Mohd Zahidi Zainuddin, melakukan lawatan ke 10 Briged (Para) untuk melihat sendiri kesiapsiagaannya. Beliau diberi taklimat oleh Panglima 10 Briged, Brig Jen Datuk Mohd Azumi Mohamed.

Sempena lawatan oleh Panglima itu, demonstrasi khas oleh 8 Renjer Diraja diadakan bagi menunjukkan kehebatan pasukan elit itu seperti penerjunan yang dilakukan di atas tanah, latihan kemahiran individu termasuk abseiling, repelling, latihan menang tempur, latihan senjata semboyan dan baca peta.

Sesungguhnya, 10 Briged menjadi kebanggaan ATM kerana keupayaannya melakukan atur gerak dan menggempur kedudukan musuh dengan pantas.

Setiap anggota Para memerlukan komitmen yang lebih daripada anggota tentera biasa. Mereka dipanggil elit kerana pengkhususan dari segi kepakaran, ketangkasan, bersemangat waja dan berani. Setiap anggota yang bergelar Para diwajibkan mengikuti latihan penerjunan dan pelbagai taktik tempur.

10 Briged yang terdiri daripada pasukan 9 Rejimen Askar Melayu Diraja, Batalion ke-17 RAMD, Batalion 8 Rejimen Renjer, adalah pasukan utama dalam briged itu dengan dibantu elemen lain seperti Rejimen Artileri Diraja, Kor Jurutera Diraja, Kem Semboyan Diraja, Kor Perkhidmatan Kor Armor Diraja, Kor Ordnan Diraja, Kagat, Kor Kesihatan Diraja, Kor Jurutera, Letrik dan Jentera serta Kor Polis Tentera Diraja.

Dengan adanya pelbagai komponen elit itu, mereka bukan saja mampu diaturgerak untuk serang tempur, malah dalam tugas operasi khas.

Pasukan 8 Renjer Diraja yang menggunakan hijau dan merah sebagai warna batalion dengan cogan kata 'Agi Idup Agi Ngelaban', memang terkenal dengan ketangkasan dan semangat keperwiraan di kalangan pegawai dan anggotanya, mempersembahkan pertunjukan yang mengagumkan.

Batalion itu boleh berbangga dengan kejayaan ketika membanteras penganas komunis dahulu, sehingga anggotanya, 901738 PW II (B) Kanang anak Langkau, dianugerahkan Pingat Seri Pahlawan Gagah Perkasa (SP).

Beret Merah hati yang dipakai di kalangan anggota pasukan Payung Terjun Antarabangsa sebagai 'Distinctive Headgear', menjadi simbol pasukan elit itu. Warna merah hati melambangkan keberanian dan kegagahan.

Beret Merah hati Kehormat dianugerahkan kepada pemimpin tertinggi ATM yang menunjukkan komitmen sepenuhnya kepada tugas dan tanggungjawab mereka, khususnya sumbangan mereka kepada Para.

Sejak ditubuhkan, 10 Briged Para menganugerahkan beret merah hati kepada Panglima ATM, Tan Sri Ismail Omar dan seorang lain bekas Panglima Tentera Darat.

Mohd Zahidi adalah penerima ketiga beret itu dan sayap penerjunan kehormat di atas ketaatsetiaan dan jasanya.

(END)

